

NS 7
U GB 08-12 00171 BB043
aab

Mahathir - Laos (EMBARGO: Untuk siaran selepas pukul 10 malam ini)
DR MAHATHIR KATA HUBUNGAN MALAYSIA-LAOS BOLEH DIPERTINGKAT
KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hubungan antara Malaysia dan Laos boleh dipertingkatkan lagi memandangkan peluang ke arah itu dalam pelbagai bidang terbuka luas.

Perdana Menteri berkata usaha ke arah itu perlu dilakukan mulai sekarang bagi memantapkan lagi kerjasama antara kedua-dua negara dalam bidang-bidang seperti perdagangan, pelaburan dan kebudayaan.

+Saya sesungguhnya percaya bahawa memang ada skop untuk memantapkan dan mengeratkan lagi hubungan antara Malaysia dan Laos, + katanya pada jamuan malam meraikan Perdana Menteri Laos, Khamtay Siphandone, di Sri Perdana, malam ini.

Katanya, usaha yang diambil oleh kedua-dua negara menaikkan taraf perwakilan diplomatik ke peringkat duta dan bermastautin di kedua-dua ibu negara baru-baru ini mencerminkan keazaman ke arah mempertingkatkan lagi hubungan dua hala.

Hasilnya, kata beliau, kini lebih ramai rakyat Malaysiamelawat Laos dengan sebahagian daripadanya begitu aktif mencari peluang-peluang pelaburan dan perniagaan. -- Lagi

▼08/12/21-05MST

CNS7368
U GB 03-12 00127 BB044
aab

Mahathir - Laos 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berharap usaha itu akan diikuti oleh rakyat Laos kerana ketua-dua negara patut menggalakkan jalinan hubungan yang lebih rapat pada peringkat rakyat.

Beliau menganggap kesempatannya bertukar-tukar fikiran mengenai pelbagai perkara hubungan dua hala, isu-isu serantau dan antarabangsa dengan Siphandone awal hari ini sebagai sungguh bermanfaat.

Di samping itu, tiga perjanjian yang ditandatangani oleh kedua-dua negara juga akan menjadi asas yang baik bagi meningkatkan kerjasama yang merangkumi pelbagai bidang pada masa depan, katanya.

Ketiga-tiga perjanjian itu ialah bagi perkhidmatan udara, perlindungan pelaburan dan kerjasama ekonomi, saintifik dan teknikal.

Perdana Menteri berharap perjanjian-perjanjian itu akan menjadi penggerak kepada hubungan kerjasama ekonomi yang bailsantera Malaysia dan Laos. -- Lagi

▼08/12/21-06MST

U GB 08-12 00137 BB045

aab

Mahathir - Laos 3 Kuala Lumpur

Beliau memberi jaminan Malaysia sentiasa sedia bekerjasama dan berganding bahu dengan Laos dalam bidang-bidang kepakarannya selaras dengan komitmen kami terhadap usaha-usaha meluaskan lagi kerjasama Selatan-Selatan. +

Mengenai kedudukan Laos dalam Asean setelah diberikan status pemerhati dalam mesyuarat Menteri-menteri Luar gabungan itu, Dr Mahathir menyatakan harapan agar negara itu diterima menjadi anggota pada masa depan.

+Kami berpendirian Laos dan negara-negara lain di Asia Tenggara patut diberi peluang menikmati kemajuan yang pesat mulai dari sekarang.

+Ini akan membuka ruang kepada rantau ini menjadi kawasan pertumbuhan yang lebih dinamik lagi yang dapat memainkan peranan yang berkesan dalam sistem ekonomi dan dagangan dunia. +

Untuk itu, kata Perdana Menteri, Malaysia menyambut baik keputusan Laos menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara. --
Lagi

▼08/12/21-07MST

CNS7371

U GB 08-12. 00184 BB046

aab

Mahathir - Laos 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Menyentuh proses perdamaian di Kemboja berikutan Perjanjian Perdamaian Paris, Dr Mahathir berkata Malaysia dan Laos telah bekerjasama rapat dengan puak-puak yang berkenaan dan negara-negara lain yang terlibat dalam usaha itu.

Kedua-dua negara telah memberi sumbangan yang agak bererti sebagai Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kedua, Persidangan Antarabangsa mengenai Kemboja di Paris.

Bagaimanapun, kata beliau, penyelesaian menyeluruh dan berkekalan di Kemboja hanya boleh dicapai sekiranya semua puak memberikerasama sepenuhnya kepada Pihak Berkuasa Peralihan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Kemboja (Untac) serta menghormati keputusan yang dibintangi oleh Majlis Keselamatan PBB.

Dr Mahathir berkata lawatan Perdana Menteri Laos tepat pada masanya memandangkan negara-negara di Asia Tenggara secara individu atau bersama sedang dalam proses menangani perubahan-perubahan yang sedang berlaku di arena politik dan ekonomi antarabangsa.

Persefahaman, semangat setiakawan, pengukuhan persahabatan dan kerjasama di rantau ini perlu digalakkan dan di tingkatkan lagi dan untuk itu +kita mesti sanggup menyelesaikan sebarang masalah secara aman dan mengelakkan diri kita daripada mengambil tindakan-tindakan yang boleh membawa akibat buruk kepada keamanan di rantau ini. + -- Bernama

▼08/12/21-07MST